

MATA ANDA BERTHARGA

Sila baca mengenai kanta lekap baru anda '

Arahan untuk digunakan

PENTING

PENERANGAN

UV-1 dibuat menggunakan proses pemotongan lathe dan digunakan untuk membetulkan penglihatan akut untuk penglihatan tunggal dengan menambah kuasa vertex kepada kanta. Bahan kanta ini adalah kopolimer sebatian metakrilat mengandungi silikon, sebatian metakrilat mengandungi flourine, Methyl metakrilat dan Asid metakrilat silang-hubung dengan ethylene glycol dimetacrylate. Sebatian penyerap UV dimasukkan ke dalam polimer kanta. Selain itu, kanta diwarnakan supaya kanta lebih dapat dilihat semasa pengendalian.

TUJUAN PENGGUNAAN

Pembetulan penglihatan (Penggunaan harian atau penggunaan berterusan selama seminggu)

PETUNJUK

UV-1 ditujukan untuk pemakaian harian atau pemakaian jangka panjang untuk pembetulan. Kanta pelekap ini bertujuan untuk penggunaan harian atau penggunaan jangka panjang untuk membetulkan penglihatan akut pada orang aphakic dan bukan aphakic dengan tiada penyakit mata dengan refractive ametropia (myopia atau hyperopia).

ARAHAN PENGGUNAAN

UV-1 adalah kanta lekap harian atau jangka panjang kanta pelekap gas kukuh kebolehtelapan. Selepas menanggalkan kanta dari mata, ikut panduan penjagaan produk dengan betul dan simpan kanta pelekap dalam bekas kanta.

• Arahan mengenai pengendalian kanta

1. Pastikan kuku jari anda pendek dan licin untuk mengelakkan calar pada mata atau kanta anda.
2. Sentiasa cuci tangan anda dengan sabun dan bilas dengan teliti sebelum mengendalikan kanta anda. Kanta mungkin tercemar jika anda tidak mencuci tangan dengan betul.
3. Sentiasa mengendalikan kanta anda di tempat yang terang, bersih dan steril.
4. Kanta lekap anda mungkin rosak bergantung pada cara anda mengendalikannya.

• Arahan untuk mengambil dan mengendalikan kanta

1. Pegang kanta dengan lembut menggunakan jari telunjuk, jari tengah dan ibu jari. Dengan berbuat begitu, pastikan sebelah yag cekung pada kanta tersebut mengadap ibu jari. Kanta mungkin berubah bentuk jika ia dipegang terlalu kuat.
2. Jika kanta terjatuh, basahkan tapak jari telunjuk dan ambil kanta dengan lembut lekatkan hujung jari keatas kanta. Kanta mungkin akan calar, berubah bentuk atau rosak jika ditekan kuat, dipicit atau diheret.

• Memeriksa kanta

1. Periksa kanta yang mana untuk mata kanan dan yang mana untuk mata kiri.
2. Periksa jika ada yang tidak kena pada kanta sebelum menggunakannya, seperti kekotoran atau bendasing melekat pada kanta, warna pudar atau berubah bentuk dan rosak. Jangan gunakan kanta jika ada masalah.

• Memasukkan kanta

1. Letakkan kanta ke jari telunjuk pada tangan sebelah dengan permukaan cekung ke atas dan periksa jika ada masalah pada kanta.
2. Dengan jari tengah tangan dan ibu jari pada tangan lagi satu, buka mata luas-luas. Mata mungkin buka lebih luas dengan memegang jari atas garis bulu mata.
3. Lihat di cermin sehingga kornea anda masuk ke tengah mata anda. Perlahan-lahan bawa kanta ke mata anda dan letakkan dengan lembut di tempatnya, semasa melihat ke cermin. Jangan melihat ke atas ketika melakukan ini, kanta tidak akan berada di kornea anda dengan betul.
4. Apabila anda meletakkan kanta dengan betul pada kornea, lepaskan perlahan jari telunjuk anda dan kemudian keluarkan jari-jari anda yang telah memegang kelopak mata anda. Kanta mungkin berubah atau terjatuh jika jari dikeluarkan secara tiba-tiba dan mata ditutup.

5. Periksa di cermin bahawa kanta berada di atas kornea anda dan gunakan tangan untuk menutup mata sebelah lagi untuk memeriksa penglihatan pada kedua mata kanan dan mata kiri.

6. Ikuti prosedur yang sama untuk mengisi kanta di mata anda yang lain.

*Jika sakit atau benda asing sensasi dirasai, tanggalkan kanta dan ulang semula cara memasukan selepas mencuci kanta.

• Menanggalkan kanta

1. Periksa kedudukan kanta di cermin. Jika kanta tersasar dari kornea sentiasa menggantikan kanta semula pada kornea dengan mengikuti "arahan untuk memakai kanta tersasar" sebelum mencuba untuk menanggalkan kanta.
2. Buka mata luas dari kanta. Pegang hujung mata dengan jari telunjuk disebelah yang sama dengan mata, dan tarik sudut mata keatas kearah telinga sambil mata terbuka luas. Kerdip dan kanta akan jatuh. Ambil kanta yang jatuh letak ditapak tangan lagi satu.

• Arahan untuk memasang kanta tersasar

1. Pegang tangan yang memegang cermin di sebelah yang berlawanan dengan kanta yang bertukar. Pandang cermin dengan tangan sambil memastikan kepala memandang ke bawah.
2. Pegang sudut mata dengan jari telunjuk dan letakkan kanta pada kedudukannya.
3. Pastikan mata tetap pada cermin, dan perlahan-lahan gerakkan cermin kearah telinga berlawanan sehingga kornea bertemu kanta.

*Gunakan prosedur sama untuk memasang kanta jika ia bergerak kearah sudut dalam, atas, atau bawah mata.

• Penjagaan Kanta

1. Disebabkan protin dan lipid dalam air mata akan melekat di permukaan kanta pelekap semasa anda memakainya, penting untuk mengikut penjagaan kanta regimen untuk pencucian, pembilasan, nyahkuman dan penyimpanan kanta. Kegagalan untuk mengikut penjagaan kanta regimen menyebabkan kanta menjadi kotor mengakibatkan penyakit mara yang serius dan jangkitan mata.
2. Gunakan produk penjagaan kanta berunding dengan pengamal penjagaan mata.
3. Gunakan produk penjagaan mata mengikut risalah atau arahan yang disertakan.
4. Semasa mengikuti penjagaan kanta regimen, gunakan plug atau tika kanta pelekap untuk mencegah kanta daripada jatuh ke dalam pengaliran air.
5. Gantikan bekas kanta dalam lebih kurang satu atau dua bulan
6. Penggunaan yang panjang akan mengakibatkan bakteria membiak disebabkan peningkatan kotoran dan menyebabkan penyakit mata.

KONTRAINDIKASI

1. Keadaan Perubatan

Keradangan aku dan subakut pada mata anterior, Jangkitan mata, Uveitis, Berkurangnya kepekaan kornea, Penyakit mata kering atau penyakit alat laikmal sehingga menimbulkan masalah untuk memakai kanta, Gangguan kelopak mata, Alergi sehingga mempengaruhi pemakaian kanta. Penyakit lain yang akan menghalang penggunaan kanta pelekap

2. Keadaan Persekitaran

Sesiapa yang tinggal atau bekerja di kawasan kering. Sesiapa yang tinggal atau bekerja di persekitaran di mana habuk atau bahan kimia cenderung untuk memasuki mata.

3. Kualiti Peribadi

Sesiapa yang tidak dapat mengikuti cadangan pengamal penjagaan mata mereka, sesiapa yang tidak dapat menggunakan kanta lekap, sesiapa yang gagal menjalani pemeriksaan berkala, sesiapa yang tidak dapat mengikuti rutih kebersihan yang diperlukan untuk memakai kanta pelekap, sesiapa yang ada keresahan yang tinggi.

• AMARAN

Biarpun bila menggunakannya dengan betul, ia mungkin menyebabkan penyakit mata seperti berikut, dan jika tidak dirawat, penyakit mata ini mungkin menjadi serius atau mungkin mengakibatkan kehilangan penglihatan. Untuk memakai kanta pelekap secara selamat, pastikan Arahan untuk Penggunaan ini dibaca dengan teliti dan mengikut segala arahan doktor mata dan kaedah yang betul untuk mengendalikan kanta pelekap.

Contoh penyakit mata.

-Edema kornea -Ulcer kornea

-Infiltration kornea -Epithelial erosion kornea

-Keratitis (termasuk keratitis berjangkit)

-Konjunktivitis (termasuk giant papillary konjunktivitis)

-Kemungkinan cepat kekurangan sel endothelial kornea)

-Kemungkinan perubahan bentuk kornea

-Kanta mungkin rosak atau menjadi rosak. Jika anda memakai kanta yang rosak atau jika kanta menjadi rosak semasa anda sedang memakainya, tanggalkan kanta tersebut dengan segera dan berunding dengan doktor tidak kira sama ada anda mempunyai simptom tertentu atau tidak.

LANGKAH BERJAGA-JAGA

- Pastikan anda membaca Arahan untuk Penggunaan ini dengan teliti sebelum menggunakan kanta pelekap, dan jika anda sangsi tentang istilah atau maklumat yang terkandung, sila berbincang dengan pengamal penjagaan mata untuk penjelasan sebelum menggunakan kanta tersebut.

-Simpan Arahan untuk Penggunaan ini untuk rujukan.

1. Jangan menggunakan kanta pelekap yang rosak.

2. Jangan menggunakan kanta pelekap yang telah tempoh percubaan. Kanta harian adalah kanta pelekap lembut harian yang mesti ditukar setiap hari, dan jangan menggunakannya semula kanta yang telah ditanggalkan.

3. Jangan menggunakan kanta pelekap lebih lama dari tempoh pemakaian yang disyorkan.

4. Gunakan kanta pelekap dengan betul mengikut cara pengendalian kanta pelekap yang disyorkan .

5. Sentiasa membuat pemeriksaan berkala.

6. Jika mengalami sebarang masalah berbincang dengan pengamal penjagaan mata dengan segera.

7. Sentiasa memasukkan kanta dengan pantas selepas membuka, kerana kanta mungkin tercemar.

8. Tidak menggosok mata semasa memakai kanta kerana ia menyebabkan calar kepada mata anda atau kanta lari.

9. Jangan mencampur kanan dan kiri kanta, kerana membuatnya mungkin mengakibatkan penglihatan kabur dan tidak selesa.

10. Pastikan anda mempunyai cermin mata yang sesuai untuk digunakan dalam keadaan dimana tidak boleh memakai kanta pelekap kerana sebab lain, atau selepas memakai kanta dalam tempoh yang disyorkan oleh pengamal penjagaan mata. Memakai kanta pelekap berterusan boleh menyebabkan penyakit mata atau masalah lain.

11. Jangan memakai kanta pelekap semasa memandu atau semasa mengendalikan mesin, sehingga anda biasa dengannya.

12. Jika kanta menjadi tidak menumpu atau jatuh semasa anda memandu atau mengendalikan mesin, berhenti memandu atau mengendalikan mesin segera selepas memastikan selamat berbuat begitu.

13. Ikut arahan pengamal penjagaan mata jika menggunakan titisan mata semasa memakai kanta pelekap.

14. Jangan biarkan kosmetik, farmaseutikal atau bahan lain mendekati kanta anda. Jika kosmetik (eyeliner, produk pembersihan, dll) melekat pada kanta anda melalui air mata, ia akan mengakibatkan warna berubah atau kualitinya

berkurang atau kanta menjadi tidak berguna.

15. Semasa mata anda terdedah kepada angin kuat (semasa naik motosikal atau basikal, bermain ski, semasa angin kuat dll) sentiasa menggunakan penghalang daripada angin seperti sunglass atau goggles. Ketidakpatuhan mungkin mengakibatkan kanta kering tidak selesa atau kanta tidak berfungsi.

16. Sentiasa tanggalkan kanta semasa berenang, kegagalan berbuat demikian mengakibatkan masalah seperti penyakit mata atau kerosakan kanta.

17. Sentiasa ingat untuk membawa kanta dan cermin mata yang lebih bersama anda semasa pergi melancong dll kerana kemungkinan kanta anda akan rosak.

18. Jika cecair seperti pencuci kegunaan rumah termasuk dalam mata, keluarkan kanta dengan segera, bincang dengan pengamal penjagaan mata. Dalam keadaan itu dinasihatkan supaya tidak bergantung kepada keputusan sendiri untuk menggunakan titisan mata, dll.

19. Jangan menggunakan cecair selain larutan daripada produk penjagaan kanta untuk kanta anda. Juga jangan gunakan campuran berbagai jenis produk penjagaan kanta kerana ia akan mengakibatkan penyakit mata atau perubahan bentuk kanta menjadikannya tidak boleh digunakan.

20. Bila memakainya untuk kali pertama, bilas kanta dengan betul dengan air paip sebelum menggunakannya selepas mengeluarkannya dari kotak penghantaran.

21. Jangan menggunakan air yang tersangat panas atau sejuk semasa membilas. Dan simpan kanta di suhu bilik dan jangan diletakkan beku. Kegagalan berbuat demikian menyebabkan perubahan bentuk atau kerosakan pada kanta

22. Jangan mengenakan tekanan yang tinggi ke atas kanta kerana ia boleh menyebabkan perubahan bentuk atau kerosakan pada kanta.

23. Jika pesakit yang melalui pembedahan katarak memerlukan pemakaian jangka panjang, patuhi arahan daripada pengamal penjagaan mata.

24. Pengguna yang mendapati susah dalam memasukkan atau mengeluarkan kanta pelekap seperti kanak-kanak atau orang tua harus berunding dengan pengamal penjagaan mata untuk panduan.

25. Perempuan mengandung mungkin mengalami kesusahan memakai kanta pelekap yang biasanya selesa dipakai penurunan sementara penglihatan dan mereka sepatutnya mendapatkan panduan sesuai apabila diperlukan.

26. Orang yang menderita kepada alahan mungkin terdedah kepada penyakit mata dan kulit daripada orang lain. Dan, jika anda ada alahan kepada logam anda harus mendapatkan panduan sesuai yang sesuai kerana pigment logam digunakan dalam kawasan tinted bulat.

27. Penggunaan kanta pelekap mungkin mempengaruhi kandungan, kelahiran bayi, penggunaan ubatan, keadaan fizikal, keadaan mata dan persekitaran dimana kanta pelekap yang dipakai mungkin bertukar setelah mula memakai kanta pelekap. Sentiasa mendapatkan panduan yang sesuai apabila perlu.

KEMUNGKINAN KESAN BURUK

-Sehingga anda biasa dengan kanta anda-

Sehingga anda biasa dengan kanta anda, anda mungkin mengalami simptom seperti berikut. Simptom berbeza bergantung kepada individu tetapi beransur-ansur hilang setelah anda biasa dengan kanta tersebut.

Walaupun bagaimanapun, jika anda mengalami simptom yang akut atau jika simptom berterusan, berhenti memakai kanta dengan segera berunding dengan pengamal penjagaan mata.

- Sedikit tidak selesa -Sedikit pendarahan dalam mata

-Penglihatan tidak stabil -Mata berair -Mata gatal



SEED Co., Ltd.

2-40-2 Hongo Bunkyo-ku, Tokyo, Japan